

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum Anda mengambil keputusan untuk menerima produk ini. Pastikan turut membaca terma dan syarat umum.

Ditaja jamin oleh AXA AFFIN Life Insurance Berhad

eLife Protector+

1. Apakah produk ini?

eLife Protector+ adalah pelan perlindungan pembaharuan tahunan (sehingga umur 75 tahun) tanpa penyertaan. Pelan ini membayar pembayaran sekaligus sebanyak 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian Orang yang Diinsuranskan. Jika Orang yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Meyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum umur 70 tahun, ia akan membayar Jumlah Asas Diinsuranskan sehingga MYR4 juta setiap hayat. Sebarang jumlah yang melebihi MYR4 juta akan dibayar apabila kematian. Sekiranya berlaku kematian Orang yang Diinsuranskan akibat Kemalangan sebelum umur 65 tahun, 100% tambahan Jumlah Asas Diinsuranskan, tertakluk kepada MYR2 juta setiap hayat, akan dibayar.

Ini adalah produk perlindungan tulen dan tidak menyediakan sebarang elemen simpanan atau pelaburan.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Polisi ini merangkumi:

- Kematian – MYR <SA> (Jumlah Asas Diinsuranskan) Sekiranya berlaku kematian Orang yang Diinsuranskan akibat Kemalangan, tambahan MYR<SA> (Jumlah Asas Diinsuranskan), tertakluk kepada MYR2 juta setiap hayat, akan dibayar
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) –MYR <SA> (Jumlah Asas Diinsuranskan) Manfaat TPD adalah tertakluk kepada MYR4 juta setiap hayat. Sebarang jumlah yang melebihi MYR4 juta akan dibayar apabila kematian

Jadual Pembayaran Manfaat TPD:

- (1) Jika manfaat TPD bagi hayat yang sama adalah lebih kurang daripada atau sama dengan MYR1.5 juta, amaun akan dibayar secara sekaligus.
- (2) Jika manfaat TPD bagi hayat yang sama adalah:
 - (i) lebih banyak daripada MYR 1.5 juta, tapi kurang daripada MYR4 juta, jumlah yang dibayar untuk hayat yang sama hendaklah dibayar secara sekaligus sebanyak MYR1.5 juta; dan baki manfaat TPD akan dibayar selama dua belas (12) bulan selepas tarikh bayaran pertama secara sekaligus dan dengan syarat TPD telah wujud secara berterusan; atau
 - (ii) lebih daripada MYR4 juta, manfaat TPD maksimum sebanyak MYR4 juta akan dibayar berdasarkan 2(i) di atas.

Nota: Pelan ini boleh diperbaharui secara tahunan sehingga umur 75 tahun, dengan syarat premium dibayar tepat pada masanya.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang Anda perlu bayar berbeza-beza bergantung kepada umur yang dicapai, jantina, status perokok, Jumlah Asas Diinsuranskan yang dipilih.

Jadual berikut adalah beberapa kadar premium bulanan indikatif dibayar:

Umur yang Dicapai (Hari Jadi Lepas)	Jumlah Diinsuranskan (MYR)	Premium Bulanan (MYR)			
		Lelaki		Perempuan	
		Bukan Perokok	Perokok	Bukan Perokok	Perokok
16	100,000	15.83	22.58	9.58	11.16
25	100,000	15.83	22.58	9.58	11.16
35	100,000	17.66	23.25	12.41	15.33
45	100,000	33.75	49.00	21.75	29.50
55	100,000	85.91	126.91	54.08	75.16

- Angka-angka yang ditunjukkan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat.
- Bayaran premium boleh dibuat secara bulanan sahaja.
- Premium bagi pelan ini adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menukar premium pada ulang tahun polisi dengan memberikan Anda notis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari.
- Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin memenuhi syarat untuk pelepasan cukai pendapatan tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Tempoh Tangguh: Anda diberi tempoh tangguh selama tiga puluh satu (31) hari selepas tarikh akhir untuk membuat pembayaran premium Anda.

4.	<p>Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar? Tiada komisen yang akan dibayar di dalam Polisi Anda kerana tiada perantara yang terlibat.</p>
5.	<p>Apakah beberapa terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kepentingan pendedahan - Semua fakta penting seperti keadaan perubatan mesti didedahkan dan Umur Anda mesti dinyatakan dengan tepat. • Tempoh Bertenang - Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan memulangkan Polisi dengan menghantar emel kepada Kami untuk memohon pembatalan sampai ke Pejabat Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Anda menerima Polisi ini. Premium yang Anda telah bayar ditolak apa-apa perbelanjaan perubatan yang mungkin telah ditanggung akan dikembalikan kepada Anda. • Implikasi pertukaran Polisi kepada Syarikat Insurans lain - Salah satu kekurangan utama adalah bahawa terma dan syarat baru Polisi baru boleh diguna pakai jika status kesihatan semasa kurang memihak kepada syarikat insurans baru. Adalah dinasihatkan untuk semak dengan Kami sebelum membuat keputusan muktamad. • Prosedur Tuntutan - Anda mesti memberi Kami notis bertulis mengenai tuntutan Anda dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam Kontrak Polisi. Selepas notis tersebut diberikan kepada Kami, Anda mestilah mengemukakan Kami bukti tuntutan dan kejadian dengan melengkapkan borang yang ditetapkan Kami serta melampirkan dokumen berkaitan yang diperlukan. <p>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma dan syarat di bawah Polisi Anda.</p>
6.	<p>Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini? Pelan ini tidak melindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kematian disebabkan bunuh diri ketika siuman atau tidak siuman dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan. • TPD akibat: <ul style="list-style-type: none"> a) bunuk diri, cubaan untuk bunuh diri atau kecederaan akibat mencederakan diri sendiri, ketika siuman atau tidak siuman; b) sebarang perbuatan disebabkan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak); c) perkhidmatan tentera, tentera laut atau udara untuk mana-mana negara yang berperang, diisytiharkan atau tidak; d) kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada; e) perjalanan atau penerbangan dalam mana-mana pesawat, kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang pada perkhidmatan udara berlesen awam yang beroperasi pada laluan berjadual teratur; atau f) mabuk alcohol; g) narkotik atau dadah kecuali diambil sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor atau pakar bedah yang berkelayakan; atau h) penglibatan dalam aktiviti bahaya seperti tinju, ski, gusti, selam, daki gunung, menakik turun tebing, arung jeram, tembak tubi, atau sebarang jenis pertandingan daya pecut atau ketahanan lasak. • Manfaat kematian akibat kemalangan tidak akan dibayar untuk sebarang kecederaan Hayat Diinsuranskan akibat daripada: <ul style="list-style-type: none"> a) bunuk diri, cubaan untuk bunuh diri atau kecederaan akibat mencederakan diri sendiri, ketika siuman atau tidak siuman; b) penyakit atau jangkitan (kecuali jangkitan bakteria berlaku bersama atau kesan daripada kecederaan pada tubuh badan yang tidak disengajakan); c) mengambil racun, dadah yang tidak dipreskripsikan oleh Pegamal Perbatan, alcohol, sedatif, atau menghidu gas (kecuali bahaya yang berkaitan dengan pekerjaan); d) percubaan serangan atau perbuatan yang menyalahi undang-undang oleh orang yang Diinsuranskan; e) sebarang perbuatan disebabkan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), tentera, tentera laut atau perkhidmatan udara untuk sebarang negara yang berperang (sama ada diisytiharkan atau tidak); f) sebarang perbuatan akibat rusuhan dan kekecohan awam; g) sebarang kecederaan atau kecacatan tersedia ada atau berulang-ulang yang dialami Orang yang Diinsuranskan sebelum Tarikh Dikeluarkan; h) oleh mabuk alcohol; oleh narkotik atau dadah kecuali diambil sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor atau pakar bedah yang berkelayakan; i) penglibatan dalam aktiviti bahaya seperti tinju, ski, gusti, selam, daki gunung, menakik turun tebing, arung jeram, tembak tubi, atau sebarang jenis pertandingan daya pecut atau ketahanan lasak; j) pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau penentangan terhadap penangkapan. <p>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah Polisi Anda.</p>
7.	<p>Bolehkah saya membatalkan Polisi saya? Anda boleh membatalkan Polisi Anda dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Akan tetapi, tiada nilai serahan tunai setelah pembatalan Polisi Anda.</p>
8.	<p>Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran hubungan saya? Sila hubungi Kami jika terdapat apa-apa perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat akan sampai kepada Anda tepat pada masanya.</p>
9.	<p>Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans hayat, sila rujuk buku risalah <i>insuranceinfo</i> mengenai 'Insurans Hayat' yang boleh didapati di semua cawangan Kami atau Anda boleh layari www.insuranceinfo.com.my.</p>

	<p>Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:</p> <p>AXA AFFIN Life Insurance Berhad Tingkat Bawah, Menara Chulan No.3 Jalan Conlay 50450 Kuala Lumpur Talian Perkhidmatan Pelanggan: 1 300 88 1616 WhatsApp : 017-641 8867 Faks : 03-2117 6768 E-mel : customer.care@axa-life.com.my</p>
10.	<p>Lain-lain jenis pelan serupa yang tersedia Sila tanya Kami untuk jenis pelan lain yang turut ditawarkan.</p>

NOTA PENTING:

PEMBELIAN POLISI INSURANS HAYAT ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG TERBAIK MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI ATAU KONTRAK INSURANS INI ATAU HUBUNGI TERUS AXA AFFIN LIFE INSURANCE BERHAD UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh AXA AFFIN Life Insurance Berhad (723739-W), syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini sah pada <DD / MM / YYYY>.